

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS
KENYATAAN TAWARAN

NO. SEBUT HARGA : MPK.Ps. SULIT 457

BERTARIKH : 09 MEI 2025

1. Tawaran adalah dipelawa kepada **KONTRAKTOR BUMIPUTERA TEMPATAN YANG BERDAFTAR DI NEGERI PERLIS** dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB)** dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan membuat tawaran bagi kerja berikut :-

SYARAT PENDAFTARAN	BUTIRAN TAWARAN	TAKLIMAT TAPAK
GRED G1 KATEGORI CE PENGKHUSUSAN CE21 PEMBINAAN KEJURUTERAAN AWAM	SEBUT HARGA BAGI MENAIK TARAF LONGKANG DI TAMAN RPA BAKAU, MP KANGAR	TARIKH : 15 MEI 2025 (KHAMIS) MASA : 9.00 PAGI - 9.20 PAGI (PENDAFTARAN) TEMPAT : BELAKANG PEJABAT MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

2. Taklimat dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN DAN PERLU DIHADIRI OLEH PENAMA YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN** sahaja. **WAKIL-WAKIL KONTRAKTOR ADALAH TIDAK DIBENARKAN**. Kontraktor perlu menunggu sehingga selesai taklimat dan lawatan tapak seperti yang diarahkan oleh Pihak Majlis. Sila bawa bersama **SIJIL-SIJIL PENDAFTARAN SEPERTI SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK), SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (CIDB) DAN SURAT KEBENARAN KHAS (CIDB) (JIKA BERKAITAN)** SERTA DOKUMEN PENGENALAN DIRI DAN COP SYARIKAT semasa taklimat dan lawatan tapak untuk pendaftaran.
3. Semasa pembelian dokumen tawaran, **PENAMA YANG DITAULIAHKAN SEPERTI NAMA DALAM SIJIL PENDAFTARAN (SILA BAWA DOKUMEN PENGENALAN DIRI)** perlu menyerahkan **SATU (1) SALINAN SIJIL-SIJIL PENDAFTARAN SEPERTI SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK), SIJIL PERAKUAN PENDAFTARAN (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (CIDB) DAN SURAT KEBENARAN KHAS (CIDB) (JIKA BERKAITAN)**.
4. Naskah dokumen tawaran boleh dibeli dengan harga **RM 50.00** daripada **UNIT PEROLEHAN, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** di alamat **NO. 192, PERSIARAN JUBLI EMAS, 01000 KANGAR, PERLIS** mulai daripada :-
- A) TARIKH PENJUALAN DOKUMEN : 19 MEI 2025 (ISNIN) - 21 MEI 2025 (RABU)**
- B) TARIKH TUTUP PENGHANTARAN DOKUMEN : 23 MEI 2025 (JUMAAT)**
(TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 TENGAHARI)
- C) MASA PENJUALAN DOKUMEN : 8.30 PAGI - 3.45 PETANG**
- D) WAKTU REHAT : 1.00 TENGAHARI - 2.15 PETANG (ISNIN - KHAMIS)**
: 12.00 TENGAHARI - 2.45 PETANG (JUMAAT)
5. **DOKUMEN TAWARAN ASAL** yang telah dipenuhi dengan sempurna, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakari dan bertulis **NO. SEBUT HARGA** dan **BUTIRAN TAWARAN** pada sampul surat serta dihantar supaya sampai ke **PETI TAWARAN DI MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** tidak lewat dari jam **12.00 TENGAHARI**. Dokumen tawaran yang diserahkan selepas tarikh dan masa yang ditetapkan berbangkit dari apa jua sebab tidak akan dilayan.
6. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah sekali atau mana-mana tawaran.